



**TEKS UCAPAN YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM MAJLIS APRESIASI FRONTLINER DAN PETUGAS BENCANA
PERINGKAT DAERAH SEPANG**

LOKASI: DE'EMERALD GARDEN & EVENT

TARIKH: 31 MAC 2022

MASA: 10 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah keizinanNYA dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk meraikan **Majlis Apresiasi Frontliner dan Petugas Bencana Peringkat Daerah Sepang** di dewan yang indah ini.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir menjayakan majlis istimewa ini.
3. Syabas diucapkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Sepang khasnya kepada Pegawai Daerah Sepang atas inisiatif menganjurkan Majlis Apresiasi ini bagi **menghargai keringat serta jasa semua frontliner dan petugas bencana yang terdiri daripada pelbagai agensi di daerah ini.**

(B) FRONTLINER SEBAGAI WIRA NEGARA

Para hadirin sekalian,

4. Sepanjang tahun 2020 dan sehingga kini, pelbagai kejadian bencana telah berlaku di Daerah Sepang. Belum reda dengan pandemik COVID-19, kita diuji lagi dengan kejadian bencana banjir besar pada pertengahan Disember 2021. Kejadian yang berlaku semasa fasa pandemik merupakan sesuatu yang amat berat dan menguji kekuatan fizikal dan mental semua kakitangan awam daerah Sepang amnya.
5. Di sebalik tabir perjalanan negara mendepani kedua-dua situasi ini, ada insan yang berkurban masa, tenaga malah nyawa mereka bagi memastikan orang lain terselamat daripada jangkitan wabak dan musibah banjir. Frontliner atau petugas barisan hadapan adalah insan berhati mulia yang sanggup memberi perkhidmatan terbaik untuk orang lain.

Semak Ucapan Semasa

6. Para frontliner termasuk petugas kesihatan, anggota keselamatan, pekerja sosial dan semua perkhidmatan berkaitan telah bertungkus-lumus berusaha mengekang penularan wabak dan bencana tindakan boleh disangkal lagi, sehingga Malaysia mendapat pengiktirafan dunia dalam mengendalikan pandemik di Negara ini.

7. Keringat dan peranan yang disumbangkan oleh barisan frontliner di hadapan saya ini tidak terhitung besarnya. Mari kita bangun dan berikan tepukan gemuruh kepada barisan frontliner semua.

Anda adalah wira negara!

Hadirin sekalian,

8. Di sebalik tanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan, Frontliner juga mempunyai kehidupan mereka sendiri yang turut memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan norma baharu. Mereka mempunyai keluarga yang perlu diberi perhatian dan diuruskan seperti keluarga lain. Mereka mempunyai anak yang terpaksa duduk di rumah atau mungkin terpaksa diletakkan ditempat jagaan kerana diri perlu menunaikan tanggungjawab membantu mangsa yang dijangkiti Covid-19 waima bencana banjir.

9. Sesungguhnya perjalanan kehidupan barisan hadapan menunjukkan mereka dan ahli keluarga sedang berkorban untuk orang lain. **Mereka memanfaatkan kehidupan untuk membantu orang lain. Memang selayaknya mereka tergolong dalam kalangan orang yang terbaik. Tidak semua orang sanggup berkorban masa, tenaga dan nyawa untuk kesejahteraan orang lain.**

10. Rasulullah SAW bersabda dalam hadisnya bermaksud: "Sebaikbaik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia lain." (**Hadis Riwayat at-Tabrani**). Tidak ada yang lebih murni daripada usaha menjaga nyawa orang lain, sedangkan diri dan nyawa sendiri juga terdedah dengan kemungkinan dijangkiti COVID-19.

11. Kerana peranan penting frontliner inilah yang membolehkan negara kita memasuki fasa endamik yang merupakan 'exit strategy' bagi membolehkan rakyat Malaysia kembali ke kehidupan hampir normal selepas dua tahun berperang dengan COVID-19.

(C) PERANAN KPWKM MENGURUSKAN BENCANA

Wira dan wirawati sekalian,

12. Dalam mendepani pandemik COVID-19 dan bencana banjir, KPWKM melalui **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN)** turut berperanan penting menjadi petugas barisan hadapan.

13. Sepanjang tahun 2021, dalam mendepani bencana banjir, di daerah Sepang, **JKM telah membuka 33 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang menempatkan 2249 individu daripada 584 keluarga, yang disantuni oleh frontliner-frontliner daripada JKM.** Bukan sekadar menyediakan penempatan sementara dan keperluan di pusat pemindahan, malah bantuan khidmat kaunseling psikososial turut diberikan oleh sukarelawan kaunselor daripada Lembaga Kaunselor Malaysia, malah ibu dan anak yang berada dalam tempoh berpantang turut disiberikan perkhidmatan postnatal oleh Pengamal MamaCare daripada LPPKN.

14. Kesemua agensi yang berada di bawah KPWKM turut sama menjadi **pelaksana utama dalam menyampaikan khidmat sokongan sosial kepada kumpulan sasar Kementerian.**

15. Saya tersentuh, sebenarnya ketika frontliner-frontliner ini ini keluar bekerja dan berkhidmat demi masyarakat, mereka juga sebenarnya juga adalah mangsa banjir, ahli keluarga mereka juga pesakit COVID-19.

16. Sesungguhnya, di sebalik tragedi dan kesedihan, musibah banjir ini telah menyerlahkan lagi **semangat Keluarga Malaysia iaitu kebersamaan dalam kalangan rakyat tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama.**

(D) HARAPAN

Hadirin sekalian,

17. Saya berharap tempoh mendatang ini akan terus memberi rangsangan kepada kita untuk terus mengorak langkah ke hadapan dengan lebih yakin dan bermakna seiring dengan agenda Kerajaan Prihatin. Saya juga berharap agar barisan Frontliner akan lebih proaktif dalam memperkasakan kumpulan sasar biarpun terdapat pelbagai cabaran yang perlu dilalui.

18. Semoga setiap apa yang dilakukan akan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahuwataala. Saya percaya peranan frontliner sentiasa relevan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat selagi kita dapat bersatu hati, ikhlas dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan keperluan zaman.

(E) PENUTUP

Muslimin muslimat sekalian,

19. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa bersempena dengan Bulan Ramadan yang bakal tiba tidak berapa hari saja lagi. Bersama-sama kita lakukan ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk merebut malam Lailatulqadar. Diharap kita semua dapat meningkatkan lagi amalan ramadan dengan bersolat tarawih, membaca Al-Quran dan berqaimulai iaitu dengan menghidupkan amalan malam.

20. Saya juga berharap Sinar Ramadhan yang kita semarakkan ini, dapat memantapkan lagi hubungan sesama kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini untuk berkerja bersama-sama memakmurkan bumi Allah SWT dengan penuh keikhlasan

21. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi mewakili pihak kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerja keras dan sumbangan cemerlang yang diberikan oleh frontliner dan petugas bencana kepada seluruh Keluarga Malaysia.

Wabillahitaufik Walhidayah,
Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
31 MAC 2022**